

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK SELANGOR PENYAYANG (PSP) BAGI TAHUN 2023

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan memaklumkan mengenai pelaksanaan Projek Selangor Penyayang bagi Tahun 2023.

2. KRITERIA DAN SKOP PROJEK

- 2.1 Kriteria projek adalah seperti berikut:

- i. **Projek kecil** yang boleh dilaksanakan dengan kadar segera (*straight forward*) dan tidak melibatkan risiko lain yang perlu ditanggung seperti pengambilan tanah, pengalihan utiliti dan sebagainya;
- ii. Projek **berimpak tinggi** yang memberikan impak secara langsung kepada masyarakat setempat;
- iii. Projek **selain daripada yang diluluskan dalam perancangan pembangunan semasa**; dan
- iv. **Nilai keseluruhan** projek yang dicadang adalah sehingga **RM1,000,000.00** bagi setiap kawasan DUN dan terbahagi seperti berikut:

a. Fasa I (Mac hingga Jun 2023) – RM500,000.00

i. Pakej 1

RM500,000.00 bagi projek dari kategori baik pulih, penyelenggaraan, naiktaraf, bina baharu dan bekalan kemudahan asas/awam; **ATAU**

ii. Pakej 2

RM400,000.00 bagi projek pembinaan sebuah Kompleks Komuniti Selangor Penyayang; **DAN**
RM100,000.00 bagi projek dari kategori baik pulih, penyelenggaraan, naiktaraf, bina baharu dan bekalan kemudahan asas/awam.

b. Fasa II (Julai hingga November 2023) – RM500,000.00

RM400,000.00 bagi projek dari kategori baik pulih, penyelenggaraan, naiktaraf, bina baharu dan bekalan kemudahan asas/awam; **DAN**

RM100,000.00 bagi kerja-kerja membaikpulih/ menyelenggara parit, longkang, benteng dan penstabilan tebing di bawah pelaksanaan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor.

Projek Fasa II hanya boleh dimulakan apabila pelaksanaan Fasa I (kemajuan fizikal dan kewangan) **mencapai 70 peratus.**

2.2 Skop projek adalah seperti berikut:

BIL	SKOP	DEFINISI
1.	Baik pulih	Mengembalikan keadaan fizikal dan kefungsiian aset kepada keadaan asal melalui proses pembaikan.
2.	Menyelenggara	Aktiviti melibatkan kerja-kerja penerimaan, operasi, dan senggara, penilaian, pemulihan, dan ubahsuai.
3.	Naik Taraf	Keadaan fizikal dan kefungsiian aset sedia ada dipertingkat ke tahap yang lebih baik bagi memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan, kehendak perundangan dan kehendak berkepentingan.
4.	Bina Baharu	Projek melibatkan kerja-kerja mewujudkan fasiliti dan kemudahan awam baharu sahaja <u>ATAU</u> pembinaan sebuah Kompleks Komuniti Selangor Penyayang tidak melebihi RM400,000.00 (bukan dibina atas tanah hakmilik). Kerja-kerja

		pembinaan bangunan baharu adalah tidak dibenarkan selain daripada Kompleks Komuniti Selangor Penyayang.
5.	Bekalan	Pembelian dan pemasangan kelengkapan secara <i>one-off</i> untuk bangunan dan kemudahan awam secara sumbangan dan Kerajaan Negeri Selangor tidak menanggung sebarang kos penyelenggaraan di masa hadapan.

2.3 Jenis projek yang akan dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- i. Membaikpulih/menyelenggara parit, longkang, benteng dan penstabilan tebing di bawah kelolaan Jabatan Pengairan dan Saliran ;
- ii. Membaikpulih/menaiktaraf/menyelenggara parit, longkang, *culvert*, jambatan, titi, jeti, jalan, laluan lintasan pejalan kaki dan motorsikal;
- iii. Membaikpulih/menyelenggara bangunan/kemudahan yang diselia oleh agensi kerajaan seperti balai raya/dewan, perhentian bas/teksi, tandas awam, wakaf/gazebo, pasar atau gerai penjaja;
- iv. Membina/baikpulih/menaiktaraf/menyelenggara fasiliti sukan, taman permainan kanak-kanak, kemudahan rekreasi dan kawasan riadah;
- v. Membaikpulih bangunan awam termasuk sekolah, balai polis, balai bomba dan klinik kesihatan;
- vi. Membaikpulih masjid/surau dan rumah ibadat serta kemudahan berkaitan termasuk dataran kejut; atau
- vii. Pembinaan sebuah Kompleks Komuniti Selangor Penyayang.

2.4 Jenis bekalan terdiri daripada pembelian dan pemasangan kelengkapan untuk bangunan dan kemudahan awam seperti berikut:

- i. Penghawa dingin;
- ii. Alat siar raya;
- iii. Karpet;

- iv. Perabot;
 - v. Komputer; dan
 - vi. Mesin pencetak.
- 2.5 Skop pembekalan adalah dianggap sebagai sumbangan secara *one-off* dan Kerajaan Negeri Selangor tidak menanggung sebarang kos penyelenggaraan di masa hadapan.

3. KAEDAH PELAKSANAAN DAN HAD KUASA PEROLEHAN

- 3.1 **Agensi Pelaksana** bagi PSP tertakluk kepada bidang kuasa dan skop projek yang diluluskan seperti berikut:
- i. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT);
 - ii. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
 - iii. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).
- 3.2 Semua projek hendaklah disiapkan di dalam tahun semasa bagi membolehkan pembayaran dibuat pada tahun yang sama.
- 3.3 Bagi mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti ekonomi, had nilai perolehan kerja bagi pelaksanaan PSP seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	SYARAT PEROLEHAN
(i)	Lantikan terus	sehingga RM50,000.00	• kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	SYARAT PEROLEHAN
			Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB).
(ii)	Kerja requisition secara undian (kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal)	sehingga RM100,000.00	• menggunakan Jadual Kadar Kerja semasa. • kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB).
	Sebut Harga (bagi Perolehan kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dan yang tidak mempunyai Jadual Kadar Kejuruteraan Awam)	melebihi RM50,000.00	• kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1 dan G2. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: ii) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB).

- 3.4 Bagi kerja *requisition* menggunakan Jadual Kadar Kerja sehingga RM100,000.00 yang dilaksanakan secara undian, Agensi Pelaksana hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PPK, SPKK atau STB sahaja boleh memohon atau berdaftar dan menghadiri proses undian dan tidak mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil. Had nilai RM100,000.00 bagi kerja requisition ini terpakai **sehingga 30 Jun 2023** sahaja.
- 3.5 Spesifikasi bagi pembinaan Kompleks Komuniti Selangor Penyayang adalah berdasarkan kepada rekabentuk dan keluasan tapak seperti yang ditetapkan di **Lampiran A** dengan had nilai sehingga RM400,000.00. Kaedah perolehan bagi pembinaan ini adalah secara sebut harga terbuka.
- 3.6 Had nilai perolehan bekalan dan perkhidmatan bagi pelaksanaan PSP seperti **Jadual 2** berikut:

Jadual 2

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	SYARAT PEROLEHAN
(i)	Pembelian Terus	Sehingga RM20,000.00	• Pembekal tempatan • Pembekal berdaftar / tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
		Melebihi RM20,000.00 sehingga RM50,000.00	• Pembekal tempatan • Pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan kod bidang yang berkenaan dan tempoh sah laku masih berkuatkuasa.
(ii)	Sebut Harga	Melebihi RM50,000.00 hingga RM100,000.00	• Pelawaan kepada tiga (3) pembekal tempatan bertaraf Bumiputera. • Pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan kod bidang yang berkenaan dan tempoh sah laku masih berkuatkuasa.
		Melebihi RM100,000.00 hingga RM500,000.00	• Pelawaan kepada lima (5) pembekal tempatan. • Pembekal berdaftar dengan Kementerian

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	SYARAT PEROLEHAN
			Kewangan dengan kod bidang yang berkenaan dan tempoh sah laku masih berkuatkuasa.

3.7 **Memecahkecilkan nilai perolehan** bagi mengelakkan pelawaan sebut harga adalah **tidak dibenarkan**.

3.8 Kerja, bekalan dan perkhidmatan hanya boleh dimulakan setelah Inden Kerja/Pesanan Tempatan dikeluarkan.

4. JAWATANKUASA PELAKSANA PROJEK SELANGOR PENYAYANG

4.1 Bagi melaksanakan projek ini, jawatankuasa yang ditubuhkan seperti berikut:

i. Jawatankuasa Induk Pemilihan Projek (JIPP)

JIPP bertanggungjawab untuk meluluskan projek yang akan dilaksanakan berdasarkan senarai projek yang dikemukakan oleh agensi kepada urus setia . Keahlian JIPP adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Pengerusi Ganti	:	YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Ahli-ahli	:	a. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan) b. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri c. Bendahari Negeri d. Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Perbendaharaan Negeri Selangor e. Urus setia Akaun Amanah Caruman Parit, Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS) f. Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN
Sekretariat	:	Unit SIAP, Cawangan Pengurusan Strategik

ii. **Jawatankuasa Peringkat Daerah (JPD)**

JPD bertanggungjawab untuk menyemak, menyaring dan menyelaraskan permohonan projek di peringkat daerah sebelum dikemukakan kepada JIPP. Keahlian JPD adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pegawai Daerah

Ahli-ahli : Wakil Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)

Wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Wakil Pusat Khidmat DUN

Sekretariat : Bahagian Pembangunan Luar Bandar, PDT

4.2 Perbincangan dan keputusan JIPP dan JPD hendaklah dicatatkan dalam minit dan ditandatangani oleh pengerusi berserta asas-asas pemilihan yang dicatat dengan jelas.

4.3 Permohonan projek yang telah diputuskan di peringkat Daerah hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Induk Pemilihan Projek melalui Unit SIAP, Cawangan Pengurusan Strategik mengikut format seperti di **Lampiran B**.

5. PEMBAYARAN

5.1 Senarai kerja-kerja dan Pejabat Pembayar adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	AGENSI PEMBAYAR
1.	Caruman Parit bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan/ Pembaikan Parit/ Longkang/ Tali Air dan Ban	Jabatan Pengairan Selangor (JPS)
2.	Lain-lain Pembaikan Kecil	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
3.	Pembinaan Kompleks Komuniti Selangor Penyayang	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

5.2 Carta alir tatacara perolehan bagi Projek Selangor Penyayang Fasa II adalah seperti di **Lampiran C**.

- 5.3 Agensi Pelaksana hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan bagi membolehkan urusan pembayaran selanjutnya.

6. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

- 6.1 Jabatan / Agensi pelaksana PSP perlu mengemukakan laporan status pelaksanaan projek kepada Unit SIAP, Cawangan Pengurusan Strategik pada **setiap bulan** mengikut format seperti di **Lampiran D** melalui e-mel siap@selangor.gov.my

PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
20 Februari 2023